

14 MAR 2000

Slovakia-Pelaburan

SLOVAKIA PELAWA PELABUR MALAYSIA MELABUR

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Slovakia mempelawa pelabur-pelabur Malaysia menyertai penswastaaan sektor telekomunikasi dan perbankan negaranya.

Menteri Luarnya, Eduard Kukan, hari ini berkata kerajaannya telah memutuskan untuk menswastakan Telecom Slovakia dan Bank of Slovakia.

"Penswastaaan sektor telekomunikasi itu ialah satu projek yang besar. Kami akan mengeluarkan tender antarabangsa untuknya. Firma-firma Malaysia juga boleh membeli saham-saham dalam Bank of Slovakia," katanya pada sidang berita pada akhir lawatan dua hari beliau ke Malaysia.

Kukan berkata Slovakia juga berharap dapat mengadakan usahasama dengan firma-firma Malaysia dalam pengeluaran senjata dan menerokai potensi pelancongan.

Beliau berkata apabila bekas negara komunis Czechoslovakia berpisah seacra aman menjadi dua republik -- -- Slovak dan Czech -- pada 1 Jan, 1993, industri pengeluaran senjata kekal berada di Slovakia.

Semasa pertemuan beliau dengan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini, Kukan menawarkan untuk menjual kereta kebal T-72 dan meriam Slovakia kepada angkatan tentera Malaysia.

Kukan berkata beliau berharap lawatan rasminya itu akan menggalakkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara dan berkata bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dijemput melawat Slovakia.

"Kami berharap dapat meluaskan lagi kerjasama ekonomi memandangkan Malaysia ialah sebuah negara yang dinamik dengan mempunyai banyak sumber. Kami memerlukan pelaburan asing untuk meluaskan ekonomi negara kami," katanya.

Kukan berkata kedua-dua negara juga membincangkan untuk mengadakan tiga perjanjian mengenai perdagangan, promosi dan perlindungan pelaburan serta mengelakkan cukai berganda.

Katanya Slovakia juga berminat menubuhkan sebuah pejabat misi di sini kerana pada masa ini, kepentingan negaranya dipantau oleh pejabat misinya yang ditubuhkan di Jakarta.

-- BERNAMA

AR NAK